

## **GARIS PANDUAN KEMASUKAN PELAJAR ANTARABANGSA SEMASA DAN PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

### **1. TUJUAN**

Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai panduan untuk kemasukan pelajar antarabangsa yang berada di luar Malaysia dan ingin kembali ke UKM, selaras dengan kenyataan media Menteri Pengajian Tinggi bertarikh 8 Julai 2020 dan surat daripada Ketua Setiausaha, Kementerian Pengajian Tinggi bertarikh 16 Julai 2020 berhubung kemasukan semula pelajar institusi pengajian tinggi ke kampus secara berperingkat.

### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Selaras dengan kenyataan media Menteri Pengajian Tinggi bertarikh 8 Julai 2020 dan surat daripada Ketua Setiausaha, Kementerian Pengajian Tinggi bertarikh 16 Julai 2020, pelajar antarabangsa dibenarkan memasuki Malaysia secara berperingkat mulai Julai 2020.
- 2.2 Berhubung dengan pemakluman tersebut, pelajar antarabangsa UKM dibenarkan memasuki kampus secara berperingkat bermula **3 Ogos 2020**.

### **3. PAS PELAJAR DAN KEBENARAN MASUK MALAYSIA**

#### **3.1 Pelajar Antarabangsa Sedia Ada**

- 3.1.1 Pelajar antarabangsa yang kini berada di luar Malaysia dan ingin kembali ke UKM, hendaklah mempunyai;
  - a) pas pelajar yang sah; atau
  - b) bagi pas pelajar yang telah tamat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) iaitu dikira dari 1 Februari 2020, maka pelajar dalam kategori ini perlu menghubungi pihak Kedutaan Malaysia di negara masing-masing. Tertakluk kepada keperluan, pas lawatan sosial akan dikeluarkan oleh pihak kedutaan; atau
  - c) bagi pas pelajar yang tamat sebelum 1 Februari 2020 atau pas pelajar dengan cop "Final", maka pelajar perlu mengemukakan permohonan semula *Visa Approval Letter* (eVAL) seperti mana pelajar baharu.

- 3.1.2 Pelajar yang telah mendapat kebenaran untuk kembali ke Malaysia perlu mematuhi **prosedur kemasukan** yang ditetapkan seperti di Lampiran 1.

### 3.2 Pelajar Antarabangsa Baharu

Semua pelajar baharu hendaklah mematuhi prosedur berikut:

- 3.2.1 Pelajar perlu memohon eVAL sebelum dibenarkan mendaftar diri sebagai pelajar UKM. Permohonan eVAL perlu dibuat melalui email kepada [val@ukm.edu.my](mailto:val@ukm.edu.my) / [hesapkp@ukm.edu.my](mailto:hesapkp@ukm.edu.my). Wang proses eVAL oleh *Education Malaysia Global Services* (EMGS) untuk mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) perlu dibayar oleh pelajar.
- 3.2.2 Dalam situasi semasa dan pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) wabak COVID-19 ini, EMGS akan mengeluarkan Surat Kelulusan EMGS sebelum kelulusan eVAL daripada JIM diperolehi. Surat kelulusan EMGS adalah bersifat sementara untuk membolehkan institusi membenarkan pelajar mendaftar dan menghadiri kuliah secara dalam talian dan TIDAK BOLEH menggantikan eVAL yang dikeluarkan oleh JIM.
- 3.2.3 Sekiranya permohonan e-VAL pelajar ditolak oleh JIM, surat tawaran UKM akan terbatal dan pelajar akan diberhentikan daripada pengajian.
- 3.2.4 Setelah memperoleh eVAL dan mendapat kebenaran untuk memasuki Malaysia oleh JIM, pelajar dikehendaki mematuhi **prosedur kemasukan** yang ditetapkan seperti di Lampiran 1.
- 3.2.5 Bagi pelajar antarabangsa yang telah sedia berada di Malaysia, pelajar perlu memperoleh eVAL, menjalani pemeriksaan kesihatan di Pusat Kesihatan Universiti dan melapor diri secara fizikal di UKM untuk pemprosesan pas pelajar. Pelajar boleh hadir di Kaunter :
- a) Bahagian Pengurusan Pas dan Visa, Pusat Pengurusan Akademik di Aras 7, Bangunan Pusanika UKM bagi yang mendapat surat tawaran daripada Pusat Pengurusan Akademik; atau
  - b) Pusat Kembangan Pendidikan, Aras G, Bangunan Wawasan UKM bagi yang mendapat surat tawaran daripada Pusat Kembangan Pendidikan.

#### 4. PROSEDUR KEMASUKAN

Pelajar antarabangsa yang berada di luar negara yang telah mendapat kebenaran untuk memasuki Malaysia dikehendaki mematuhi prosedur kemasukan seperti di Lampiran 1.

#### 5. IMPLIKASI KEWANGAN

3.1 Segala implikasi kewangan sepanjang urusan kemasukan pelajar adalah ditanggung sepenuhnya oleh pelajar. Ini merangkumi kos saringan Ujian Pengesanan COVID-19, kos kuarantin diri (termasuk makan dan minum), kos pengangkutan dan lain-lain kos yang terlibat.

3.2 Anggaran kos yang perlu ditanggung oleh pelajar adalah antara RM2,400.00 hingga RM 2,700.00. Perincian adalah seperti berikut:

##### a) Ujian Pengesanan COVID-19

Jenis Ujian	Fi (warga asing)
PCR	RM 250.00
RTK Antigen	RM 120.00
RTK Antibody	RM 60.00

##### b) Lain-lain berkaitan

Kos	Kadar maksimum
Kos kuarantin di Stesen Kuarantin selama 14 hari	RM 150.00 / hari (Jumlah : RM 2,100.00)
Kos pengangkutan dari Stesen Kuarantin ke UKM	RM100 / pelajar

#### 6. PEMAKAIAN GARIS PANDUAN

a) Garis panduan ini berkuatkuasa mulai 3 Ogos 2020 sehingga satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak. Ia terpakai khusus sebagai langkah pencegahan penularan wabak COVID-19 di UKM.

b) Pemakaian garis panduan ini adalah tertakluk dari semasa ke semasa kepada perubahan yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia dan UKM. Garis panduan ini akan tidak terpakai/terbatal sekiranya berlaku sebarang perubahan arahan daripada Kerajaan Malaysia dan Universiti.

**PROSEDUR KEMASUKAN PELAJAR ANTARABANGSA  
KE UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

**SEBELUM KETIBAAN**

1. Pelajar perlu berhubung dengan pihak UKM melalui email kepada [val@ukm.edu.my](mailto:val@ukm.edu.my) / [hesapkp@ukm.edu.my](mailto:hesapkp@ukm.edu.my) untuk mendapatkan kesesuaian tarikh perjalanan ke Malaysia.
2. Pelajar perlu melengkapkan dan menandatangani *Letter of Undertaking and Indemnity* (LoU) yang boleh didapati melalui pautan berikut:
  - a. Kementerian Luar Negeri : [www.kln.gov.my](http://www.kln.gov.my)
  - b. Agensi Pengurusan Bencana Negara : [www.nadma.gov.my](http://www.nadma.gov.my)
  - c. Jabatan Imigresen Malaysia : [www.imi.gov.my](http://www.imi.gov.my)
  - d. Kementerian Kesihatan Malaysia : [www.moh.gov.my](http://www.moh.gov.my)
  - e. Kementerian Pengangkutan Malaysia : [www.mot.gov.my](http://www.mot.gov.my)
  - f. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya : [www.motac.gov.my](http://www.motac.gov.my)
3. Pelajar perlu mengemukakan permohonan kemasukan dalam sistem *Education Malaysia Global Services* (EMGS) melalui <https://visa.educationmalaysia.gov.my/> bagi mendapatkan Surat Kelulusan Kemasukan Pelajar (Pengesahan Perjalanan) daripada Ketua Pengarah Imigresen (DGI) sebelum dibenarkan membuat perjalanan ke Malaysia.
4. Pelajar perlu mendapatkan Notis Perjalanan daripada Perwakilan Malaysia yang ditauliahkan. Permohonan perlu dihantar secara e-mel bersama-sama dokumen berkaitan dan LoU lengkap. Alamat e-mel Perwakilan Malaysia di luar negara boleh didapati di <https://www.kln.gov.my/web/guest/malaysian-mission>.
5. Pelajar perlu memuat turun atau mencetak Surat Kelulusan Kemasukan Pelajar dan Notis Perjalanan untuk dikemukakan semasa proses pendaftaran masuk penerbangan/ pengangkutan awam yang lain. Kegagalan untuk mengemukakan dokumen-dokumen berkenaan boleh menyebabkan pelajar tidak diberi kebenaran untuk menaiki pesawat, atau pengangkutan awam yang lain.
6. Pelajar perlu memuat turun aplikasi MySejahtera di telefon pintar dan melengkapkan semua maklumat yang diperlukan.
7. Pelajar tidak diwajibkan membuat Ujian Pengesanan COVID-19 sebelum berlepas ke Malaysia. Namun, pelajar perlu menyemak dengan pengendali penerbangan (*airlines*) berkenaan keperluan untuk menjalani ujian COVID-19 sebelum dibenarkan menaiki pesawat.
8. Bagi pelajar sedia ada, dinasihatkan untuk membuat semakan dengan pihak UKM terlebih dahulu mengenai perlindungan insuran perubatan untuk kemasukan ke wad sekiranya pelajar perlu dirujuk ke hospital bagi pemeriksaan

lanjut COVID-19 kelak. Pelajar boleh mengemukakan pertanyaan kepada pihak Unit Kebajikan, Pusat Hal Ehwal Pelajar melalui e-mel [mzaili@ukm.edu.my](mailto:mzaili@ukm.edu.my).

### **SEMASA KETIBAAN**

1. Pelajar perlu menjalani ujian saringan kesihatan yang akan dibuat oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semasa ketibaan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA)\*. Hasil ujian saringan, pelajar yang:
  - a. menunjukkan gejala COVID-19, akan dirujuk ke hospital untuk pemeriksaan lanjut;
  - b. TIDAK menunjukkan sebarang gejala COVID-19, boleh ke Kaunter JIM untuk pemeriksaan dokumen.
2. Sekiranya dirujuk ke hospital untuk pemeriksaan lanjut, semua pelajar adalah tertakluk kepada perlindungan insurans perubatan. Sekiranya tiada, segala kos rawatan adalah dibawah tanggungan pelajar.
3. Di Kaunter JIM, pelajar perlu mengemukakan Surat Kelulusan Kemasukan Pelajar, Notis Perjalanan dan lain-lain dokumen yang sah kepada petugas sebelum dibenarkan ke Stesen Kuarantin.
4. Pelajar juga perlu mengemukakan LOU kepada sewaktu ketibaan sebelum dibenarkan ke Stesen Kuarantin yang ditetapkan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) untuk menjalani kuarantin selama 14 hari. Pergerakan ke Stesen Kuarantin akan diuruskan oleh pihak NADMA.

\* Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) *ialah KLIA sahaja.*

### **SEPANJANG TEMPOH KUARANTIN**

1. Pendaftaran masuk pelajar di Stesen Kuarantin akan melalui proses pendaftaran biasa yang diamalkan oleh pihak pengurusan Hotel dengan seliaan petugas Stesen Kuarantin yang diselaraskan oleh Angkatan Pertahanan Awam (APM).
2. Pelajar perlu menyerahkan salinan asal LoU kepada petugas Stesen Kuarantin. Deposit atau/ dan pembayaran penuh akan diambil oleh pihak pengurusan hotel sebelum pelajar dibenarkan untuk mendaftar masuk ke bilik hotel.
3. Semasa pendaftaran masuk di Stesen Kuarantin juga, pelajar akan menjalani Ujian Pengesanan COVID-19 (pertama) sebaik tiba di Stesen Kuarantin. Ujian kedua akan dibuat pada hari ke-13 kuarantin. Keperluan atau jenis Ujian Pengesanan COVID-19 akan ditentukan oleh pihak KKM.
4. Dalam tempoh kuarantin, pelajar hanya dibenarkan berada di dalam bilik sepanjang masa dan makanan akan disediakan tiga kali sehari.

5. Pelajar perlu membuat penilaian kesihatan sendiri setiap hari di bilik masing-masing dan memaklumkan kepada petugas Stesen Kuarantin sekiranya menunjukkan gejala COVID-19 untuk dirujuk ke hospital bagi pemeriksaan lanjut.

### **SELEPAS TEMPOH KUARANTIN**

1. Selepas tempoh kuarantin berakhir, pihak UKM akan menyediakan pengangkutan untuk mengambil pelajar dari Stesen Kuarantin dan kembali ke UKM.
2. Segala implikasi kewangan sepanjang urusan kemasukan pelajar (termasuk kos Ujian Pengesanan COVID-19, kos kuarantin, kos pengangkutan dan lain-lain kos yang terbabit) adalah ditanggung sepenuhnya oleh pelajar.
3. Pelajar perlu menjelaskan semua bayaran tertunggak yang melibatkan Ujian Pengesanan COVID-19 dan kos kuarantin sebelum proses daftar keluar dari Stesen Kuarantin. Manakala kos pengangkutan untuk kembali ke kampus akan dicaj ke akaun pelajar dan perlu dijelaskan di UKM. Mekanisme pembayaran ini tertakluk perubahan dari semasa ke semasa yang akan ditetapkan oleh pihak NADMA dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).
4. Bagi pelajar sedia ada, boleh kembali ke UKM untuk meneruskan pengajian dan segala urusan berkaitan pas pelajar diuruskan mengikut prosedur sedia ada.
5. Bagi pelajar baharu:
  - a. perlu membuat pemeriksaan kesihatan (pasca ketibaan) di Pusat Kesihatan Universiti dan segala kos yang terlibat adalah dibawah tanggungan pelajar. Sekiranya pelajar didapati mempunyai masalah kesihatan yang serius, surat tawaran UKM akan terbatal dan pelajar akan diberhentikan daripada pengajian.
  - b. Segala urusan berkaitan pas pelajar akan diuruskan mengikut prosedur sedia ada dan pengeluaran pas pelajar adalah tertakluk kepada kelulusan JIM.
  - c. Pelajar boleh meneruskan pengajian sementara menunggu kelulusan pengeluaran pas pelajar
  - d. Pelajar yang ingin menginap di kolej kediaman boleh terus hubungi pejabat Pusat Perumahan Pelajar di talian 03-8921 4367/ 3756/ 3796/ 3799 atau e-mel [pghperumahan@ukm.edu.my](mailto:pghperumahan@ukm.edu.my).

#### *Penafian:*

*Jika terdapat sebarang percanggahan yang timbul antara kedua-dua garis panduan, maka garis panduan dalam Bahasa Melayu hendaklah menjadi rujukan*